



S9BM8142-05 (ms)  
April 2019  
(Diterjemah: April 2019)



# Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan

---

**Product Link - PL121, PL321, PL522 dan  
PL523**

---

## Maklumat Penting Keselamatan

Kebanyakan kemalangan yang melibatkan pengendalian, penyelenggaraan dan pembaikan produk adalah disebabkan oleh kegagalan untuk mematuhi peraturan keselamatan asas atau langkah berjaga-jaga. Kemalangan sering boleh dielakkan dengan mengenal pasti potensi situasi berbahaya sebelum kemalangan berlaku. Seseorang mesti berwaspada terhadap potensi bahaya, termasuk faktor manusia yang boleh menjejaskan keselamatan. Orang ini juga perlu mempunyai latihan, kemahiran dan alatan yang diperlukan untuk melaksanakan fungsi-fungsi ini dengan betul.

**Pengendalian, pelinciran, penyelenggaraan atau pembaikan produk ini yang tidak wajar boleh membahayakan dan boleh mengakibatkan kecederaan atau kematian.**

**Jangan kendalikan atau lakukan sebarang pelinciran, penyelenggaraan atau pembaikan pada produk ini, sehingga anda mengesahkan bahawa anda dibenarkan untuk menjalankan kerja ini dan telah membaca serta memahami maklumat pengendalian, pelinciran, penyelenggaraan dan pembaikan.**

Langkah keselamatan dan amaran disediakan dalam manual ini dan pada produk. Jika amaran bahaya ini tidak diendahkan, kecederaan tubuh badan atau kematian boleh berlaku kepada anda atau orang lain.

Bahaya dikenal pasti oleh "Simbol Amaran Keselamatan" dan diikuti oleh "Perkataan Isyarat" seperti "BAHAYA", "AMARAN" atau "WASPADA". Label "AMARAN" Amaran Keselamatan ditunjukkan di bawah.



Makna simbol amaran keselamatan ini adalah seperti berikut:

**Perhatian! Berwaspada! Ia Melibatkan Keselamatan Anda.**

Mesej yang muncul di bawah amaran menerangkan bahaya itu dan boleh dipersembahkan sama ada secara bertulis atau dalam bentuk gambar.

Satu senarai pengendalian tidak lengkap yang boleh menyebabkan kerosakan produk dikenalpasti dengan label "NOTICE" pada produk dan dalam penerbitan ini.

**Caterpillar tidak dapat menjangka setiap kemungkinan yang boleh membawa bahaya. Oleh itu, amaran dalam penerbitan ini dan produk ini tidak menyeluruh. Anda tidak boleh menggunakan produk ini dalam apa-apa cara yang berbeza daripada yang dicadangkan oleh manual ini tanpa memuaskan diri anda dahulu bahawa anda telah mempertimbangkan semua peraturan keselamatan dan langkah berjaga-jaga yang digunakan untuk pengendalian produk di lokasi penggunaan, termasuk kaedah khusus lokasi dan langkah berjaga-jaga yang berkenaan lokasi kerja. Jika alatan, prosedur, kaedah kerja atau teknik pengendalian yang tidak disyorkan secara khusus oleh Caterpillar digunakan, anda perlu meyakinkan diri anda bahawa ia adalah selamat untuk anda dan orang lain. Anda juga mesti memastikan bahawa anda berkuat kuasa untuk melakukan kerja ini dan produk tidak akan rosak atau menjadi tidak selamat disebabkan prosedur pengendalian, pelinciran, penyelenggaraan atau pembaikan yang anda ingin gunakan.**

Maklumat, spesifikasi dan ilustrasi dalam penerbitan ini berdasarkan maklumat yang boleh didapati pada masa penerbitan itu ditulis. Spesifikasi, tork, tekanan, pengukuran, pelarasan, ilustrasi dan item lain boleh berubah pada bila-bila masa. Perubahan-perubahan ini boleh menjejaskan perkhidmatan yang diberikan kepada produk. Dapatkan maklumat lengkap dan terkini sebelum anda memulakan apa-apa kerja. Wakil penjual Cat mempunyai maklumat yang terkini.



**Apabila barang penggantian diperlukan untuk produk ini, Caterpillar mengesyorkan menggunakan barang penggantian Cat.**

**Kegagalan mematuhi amaran ini boleh membawa kepada kegagalan pramatang, kerosakan produk, kecederaan diri atau kematian.**

**Di Amerika Syarikat, penyelenggaraan, penggantian atau pembaikan alat dan sistem kawalan emisi boleh dilakukan oleh mana-mana kedai pembaikan atau individu pilihan pemilik.**

---

## **Jadual Kandungan**

Pendahuluan ..... 4

### **Bahagian Keselamatan**

Tanda dan Label Keselamatan ..... 5

Maklumat Bahaya Umum ..... 6

### **Maklumat Pematuhan Peraturan**

Komponen Frekuensi Radio..... 7

### **Bahagian Pengendalian**

Pengendalian ..... 13

### **Bahagian Indeks**

Indeks ..... 15

## Pendahuluan

### Maklumat Literatur

Buku panduan ini perlu disimpan dalam ruang pengendali dalam pemegang literatur atau kawasan penyimpanan literatur di tempat duduk belakang.

Manual ini mengandungi maklumat keselamatan, arahan pengendalian dan pengesyoran penyelenggaraan.

Beberapa gambar atau ilustrasi dalam penerbitan ini menunjukkan butiran atau lampiran yang mungkin berbeza daripada produk anda.

Peningkatan berterusan dan kemajuan reka bentuk produk mungkin telah menyebabkan perubahan pada produk anda yang tidak termasuk dalam penerbitan ini. Baca, kaji dan simpan manual ini dengan produk.

Jika terdapat soalan mengenai produk anda atau penerbitan ini, sila rujuk kepada wakil penjual Cat anda untuk mendapatkan maklumat terkini yang tersedia.

### Keselamatan

Bahagian keselamatan menyenaraikan langkah keselamatan asas. Di samping itu, bahagian ini mengenal pasti teks dan lokasi tanda amaran dan label yang digunakan pada jentera.

### Pengendalian

Bahagian pengendalian ialah rujukan untuk pengendali baharu dan ulang kaji bagi pengendali yang berpengalaman. Bahagian ini termasuk perbincangan mengenai tolok, suis, kawalan produk, kawalan lampiran dan maklumat pengaturcaraan.

Gambar dan ilustrasi memandu pengendali melalui prosedur betul untuk memeriksa, memulakan, mengendalikan dan menghentikan produk.

Pengendalian teknik yang digariskan dalam penerbitan ini adalah asas. Kemahiran dan teknik berkembang apabila pengendali memperoleh pengetahuan mengenai produk dan keupayaannya.

### Penyelenggaraan

Bahagian penyelenggaraan ialah panduan bagi penjagaan peralatan.

## Bahagian Keselamatan

i07743702

### Tanda dan Label Keselamatan


Kod SMCS: 7606

**AMARAN**

Jangan kendalikan atau gunakan jentera ini melainkan anda telah membaca dan memahami arahan dan amaran dalam Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan. Kegagalan untuk mematuhi arahan atau menghiraukan amaran boleh mengakibatkan kecederaan atau kematian. Hubungi wakil penjual Cat anda untuk mendapatkan manual penggantian. Penjagaan yang betul adalah tanggungjawab anda.

### Mesej Keselamatan

Filem amaran dalam Ilustrasi 1 boleh ditemui di lokasi seperti papan pemuka. Filem amaran akan menjadi jelas dilihat oleh pengendali semasa operasi biasa jentera.



Ilustrasi 1

g01370917

Filem

**AMARAN**

Jentera ini dilengkapi dengan peranti komunikasi Caterpillar Product Link. Apabila peletus elektrik digunakan, peranti komunikasi ini hendaklah dinyahaktifkan dalam jarak 12 m (40 ft) dari tapak letupan atau dalam jarak liputan yang dimandatkan di bawah keperluan undang-undang yang berkuatkuasa. Kegagalan untuk berbuat sedemikian boleh menyebabkan gangguan dengan pengendalian pembagasan dan menyebabkan kecederaan serius atau kematian.

Tapak letupan ditakrifkan sebagai kawasan yang mengendalik bahan mudah meletup semasa pemuatan. Disertakan ialah perimeter yang terbentuk daripada lubang letupan yang dimuatkan.

Jika jentera diperlukan untuk beroperasi di atau berdekatan tapak letupan, pengendali mesti menyahdayakan Product Link. Ini bermakna, salah satu daripada sistem PL121 atau sistem PL522 / PL523 mesti dinyahaktifkan. Satu daripada kaedah berikut dicadangkan untuk menyahaktifkan sistem PL121 atau PL522 / PL523:

- Pasangkan satu suis nyahsambung Product Link dalam di ruang pandu jentera. Suis Ini akan membenarkan modul sistem PL121 atau PL522 / PL523 DIPADAMKAN. Rujuk Arahan Khas, RMHS2365, Panduan Pemasangan untuk Product Link PL121 dan PL321 atau Arahan Khas, RMHS2368, Prosedur Pemasangan Untuk Product Link PL522 dan PL523 (Selular) untuk mendapatkan maklumat lanjut dan arahan pemasangan.
- Semasa suis tapak letupan berada dalam kedudukan PADAM, sistem PL121 atau PL522 / PL523 tidak akan menjejaki jam Unit Meter Servis (SMU) jam atau data VIMS lagi. Pelarasan Jam Meter Servis (SMH) diperlukan selepas kuasa dipulih kepada sistem Product Link. Rujuk wakil penjual Caterpillar anda jika terdapat sebarang soalan.
- Tanggalkan modul sistem PL121 atau PL522 / PL523 dari sumber kuasa utama. Tindakan ini dilakukan dengan menanggalkan abahan pendawaian pada modul Product Link.

### Filem Lain

Filem dalam Ilustrasi 2 boleh ditemui di lokasi yang boleh dilihat secara jelas. Lokasi yang boleh dilihat secara jelas semasa operasi biasa jentera dijelaskan sebagai pemuka.



Ilustrasi 2

g01787075

Filem dalam Ilustrasi 2 bertujuan untuk memaklumi pengendali bahawa jentera dilengkapi dengan peranti penghantaran wayarles. Data jentera, keadaan jentera dan pengendalian jentera akan dihantar oleh peranti Product Link. Maklumat ini dihantar ke Caterpillar dan/atau wakil penjual Caterpillar untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih bagus kepada pelanggan dan untuk menambahbaik produk dan perkhidmatan Caterpillar. Penghantaran maklumat dengan menggunakan Product Link tertakluk kepada keperluan undang-undang yang mungkin berbeza dari lokasi ke lokasi.

Rujuk Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan, SMBU8142, Pengendalian dan Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan, SMBU8142, Bahagian Pematuhan Kawal Selia untuk mendapatkan maklumat tambahan.

i07743696

## Maklumat Bahaya Umum

Kod SMCS: 7606

### AMARAN

Jangan kendalikan atau gunakan jentera ini melainkan anda telah membaca dan memahami arahan dan amaran dalam Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan. Kegagalan untuk mematuhi arahan atau menghiraukan amaran boleh mengakibatkan kecederaan atau kematian. Hubungi wakil penjual Cat anda untuk mendapatkan manual penggantian. Penjagaan yang betul adalah tanggungjawab anda.

## Pendahuluan

Dokumen ini ialah tambahan Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan untuk jentera tersebut. Lampirkan dokumen ini secara kekal pada Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan untuk jentera tersebut.

## Pengenalan

Dokumen Ini menyatakan maklumat tentang pengendalian berikut:

- Product Link Sistem PL121 / PL321
- Product Link Sistem PL522 / PL523

Pengendalian dan penyelenggaraan jentera tidak dibenarkan melainkan arahan dan amaran dalam Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan telah dibaca dan difahami. Kandungan dokumen ini mesti difahami sebelum jentera yang dilengkapi dengan mana-mana yang berikut:

- Product Link Sistem PL121 / PL321
- Product Link Sistem PL522 / PL523

## Maklumat Pematuhan Peraturan

### Komponen Frekuensi Radio

i07743704

#### Product Link (PL522 dan PL523 - Jika Dilengkapi)

Kod SMCS: 7490; 7606

N/S: PL51-Up

#### NOTIS

Penghantaran maklumat dengan menggunakan peranti komunikasi Cat Product Link tertakluk pada keperluan undang-undang. Keperluan undang-undang mungkin berbeza-beza mengikut lokasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kebenaran penggunaan frekuensi radio. Penggunaan peranti komunikasi Cat Product Link mesti terhad kepada lokasi yang semua keperluan undang-undang untuk penggunaan peranti komunikasi dan rangkaian komunikasi Cat Product Link telah dipenuhi.

Jika peralatan yang dipasangkan peranti komunikasi Cat Product Link terletak di lokasi atau dipindahkan ke lokasi yang (i) keperluan undang-undang tidak dipenuhi atau (ii) penghantaran atau pemrosesan maklumat sedemikian merentasi berbilang lokasi melanggar undang-undang, Caterpillar menafikan sebarang liabiliti yang berkaitan dengan kegagalan pematuhan dan Caterpillar boleh menamatkan penghantaran maklumat dari peralatan tersebut.

Rujuk wakil penjual Cat anda jika terdapat sebarang soalan yang berkenaan dengan pengendalian sistem Product Link di negara tertentu.

**Rujukan:** Rujuk Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan produk anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

### Spesifikasi



Peralatan ini dilengkapi dengan peranti komunikasi Product Link® Cat. Apabila peletup elektrik digunakan untuk pengendalian letupan, peranti frekuensi radio boleh menyebabkan gangguan terhadap peletup elektrik untuk pengendalian letupan yang boleh menyebabkan kecederaan serius atau kematian. Peranti komunikasi Product Link boleh dipadamkan dalam jarak yang dimandatkan di bawah semua keperluan undang-undang nasional atau tempatan yang berkenaan. Jika tiada keperluan undang-undang, Caterpillar mengesyorkan pengguna terakhir untuk melakukan penilaian risiko sendiri untuk menentukan jarak pengendalian yang selamat.

Spesifikasi peranti komunikasi Product Link Cat yang berikut disediakan untuk memberikan bantuan semasa melakukan sebarang penilaian bahaya yang berkenaan dan untuk memastikan pematuhan semua undang-undang tempatan:

Jadual 1

Spesifikasi Pemancar Radio		
Model	Julat Frekuensi Pemancar	Kuasa pemancar
PL522 dan PL523	824 MHz - 849 MHz	0.5W tipikal, 2W maks
	880 MHz - 915 MHz	
	1710 MHz - 1755 MHz	
	1850 MHz - 1910 MHz	

Jadual 2

Voltan Pengendalian dan Penarikan Arus		
Model	Julat Voltan	Julat Penaikan Arus Maksimum
PL522 dan PL523	9-32V	850mA-225mA

### Notis Pensijilan

#### Notis Kanada kepada Pengguna

Peranti ini mematuhi lesen Industry Canada kecuali RSS. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut:

- Peranti ini tidak akan menyebabkan interferens
- Peranti ini mesti menerima sebarang interferens, termasuk interferens yang mungkin menyebabkan pengendalian peranti yang tidak diinginkan.

#### Notis FCC

Peranti ini mematuhi Bahagian 15 Undang-undang FCC. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut:

Maklumat Pematuhan Peraturan  
PL522 dan PL523 - Jika Dilengkapi

---

- Peranti ini tidak akan menyebabkan interferens berbahaya.
- Peranti ini mesti menerima sebarang interferens yang diterima, termasuk interferens yang mungkin menyebabkan pengendalian yang tidak diingini.

Peralatan ini telah diuji dan didapati mematuhi Bahagian 22 dan Bahagian 24 FCC serta mematuhi had peranti digital Kelas B, menurut Bahagian 15 peraturan FCC. Had ini direka bentuk untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya terhadap interferens berbahaya untuk pemasangan di rumah. Peralatan ini menjanakan, menggunakan dan boleh memancarkan tenaga frekuensi radio serta boleh menyebabkan interferens berbahaya terhadap komunikasi radio jika tidak dipasang dan digunakan menurut arahan. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa interferens tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini menyebabkan interferens berbahaya terhadap penerimaan radio atau televisyen yang boleh ditentukan dengan menghidupkan dan mematikan peralatan, pengguna digalakkan untuk membetulkan interferens tersebut mengikut satu atau lebih langkah berikut:

- Melaraskan atau menetapkan semula kedudukan antena penerimaan
- Meningkatkan jarak di antara peralatan dengan penerima
- Sambungkan peralatan ke dalam salur keluar pada litar yang berlainan daripada salur keluar yang disambungkan dengan penerima.
- Rujuk kepada wakil penjual atau juruteknik radio/ tv yang berpengalaman untuk mendapatkan bantuan

Perubahan atau pengubahsuaian terhadap peranti ini tanpa kebenaran nyata daripada Caterpillar boleh membatalkan kebenaran pengguna untuk menggunakan peranti ini.

## Pengisytiharan Pematuhan - Kesatuan Eropah

Jadual 3

CATERPILLAR®  
Pengisytiharan Pematuhan EU

Pengisytiharan Pematuhan ini dikeluarkan di bawah tanggungjawab penuh pengeluar.

Tandatangan di bawah mewakili pengeluar:

CATERPILLAR INC  
100 N.E. Adams Street  
Peoria, IL 61629  
AS

dengan ini mengisytiharkan bahawa produk, objek penerangan ini:

500 Peranti Telematik Radio Selular Produk Radio,

Jenama: Caterpillar	Model: 500 Produk Radio (Cat 522 dan Cat 523)
Nombor Alat Ganti Antena: 346-9376	Nombor Alat Ganti: 351 - 8490 dan 351 - 8492

Mematuhi perundangan pengharmonian Kesatuan yang berkenaan:

Perintah 2014/53/EU

Perintah 2011/65/EU

Pematuhan ditunjukkan melalui pematuhan terhadap keperluan berkenaan bagi dokumen berikut:

Prosedur Penilaian Pematuhan:  Lampiran II,  Lampiran III,  Lampiran IV

2014/53/EU:	LVD (Bahagian 3.1a):	EN60950-1:2006+A11:2009+A1:2010+A12:2011 +A2:2013 EN 62311:2008
	EMC (Bahagian 3.1b):	EN 301 489-1 V2.2.0 EN 301 489-3 V2.1.1 EN 301 489-19 V2.1.0 EN 301 489-52 V1.1.0
	RF (Bahagian 3.2)	EN 301 511 V12.5.1 EN 300 440 V2.1.1
2011/65/EU:	RoHs	EN 50581:2012

Signature:

*Michael Caruthers*

Name:

*Michael Caruthers*

Title:

*Engineering Manager*

Place:

*Peoria, IL*

Date:

*7 Sept 2017*

i07743701

## Product Link (PL121 - Jika Dilengkapi)

Kod SMCS: 7490; 7606

N/S: PL11-Up

### NOTIS

Penghantaran maklumat dengan menggunakan peranti komunikasi Cat Product Link tertakluk pada keperluan undang-undang. Keperluan undang-undang mungkin berbeza-beza mengikut lokasi, termasuk tetapi tidak terhad kepada, kebenaran penggunaan frekuensi radio. Penggunaan peranti komunikasi Cat Product Link mesti terhad kepada lokasi yang semua keperluan undang-undang untuk penggunaan peranti komunikasi dan rangkaian komunikasi Cat Product Link telah dipenuhi.

Jika peralatan yang dipasangkan peranti komunikasi Cat Product Link terletak di lokasi atau dipindahkan ke lokasi yang (i) keperluan undang-undang tidak dipenuhi atau (ii) penghantaran atau pemrosesan maklumat sedemikian merentasi berbilang lokasi melanggar undang-undang, Caterpillar menafikan sebarang liabiliti yang berkaitan dengan kegagalan pematuhan dan Caterpillar boleh menamatkan penghantaran maklumat dari peralatan tersebut.

Rujuk wakil penjual Cat anda jika terdapat sebarang soalan yang berkenaan dengan pengendalian sistem Product Link di negara tertentu.

**Rujukan:** Rujuk Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan produk anda untuk mendapatkan maklumat lanjut.

## Spesifikasi

### AMARAN

Peralatan ini dilengkapi dengan peranti komunikasi Product Link® Cat. Apabila peletup elektrik digunakan untuk pengendalian letupan, peranti frekuensi radio boleh menyebabkan gangguan terhadap peletup elektrik untuk pengendalian letupan yang boleh menyebabkan kecederaan serius atau kematian. Peranti komunikasi Product Link boleh dipadamkan dalam jarak yang dimandatkan di bawah semua keperluan undang-undang nasional atau tempatan yang berkenaan. Jika tiada keperluan undang-undang, Caterpillar mengesyorkan pengguna terakhir untuk melakukan penilaian risiko sendiri untuk menentukan jarak pengendalian yang selamat.

Spesifikasi peranti komunikasi Product Link Cat yang berikut disediakan untuk memberikan bantuan semasa melakukan sebarang penilaian bahaya yang berkenaan dan untuk memastikan pematuhan semua undang-undang tempatan:

Jadual 4

Spesifikasi Pemancar Radio		
Model	Julat Frekuensi Pemancar	Kuasa pemancar
PL121	148 MHz -150 MHz	Tipikal 5W 10W Maks

## Notis Pensijilan

### Notis Kanada kepada Pengguna

Kemas kini bahagian Notis Industry Canada kepada Pengguna pada yang berikut:

Peranti ini mematuhi lesen Industry Canada kecuali RSS. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut:

- Peranti ini tidak akan menyebabkan interferens
- Peranti ini mesti menerima sebarang interferens, termasuk interferens yang mungkin menyebabkan pengendalian peranti yang tidak diinginkan.
- Pemancar radio Ini telah diluluskan oleh Industry Canada untuk dikendalikan dengan jenis antena disenaraikan di bawah dengan gandaan dibenarkan maksimum yang ditunjukkan. Jenis antena yang tidak disertakan dalam senarai ini atau mempunyai gandaan lebih tinggi daripada gandaan maksimum ditunjukkan, adalah dilarang untuk digunakan dengan peranti ini.
- Peranti ini telah direka bentuk untuk digunakan bersama antena yang disenaraikan di bawah, dan mempunyai gandaan maksimum sebanyak 3 dBi. Antena tidak disertakan dalam senarai ini atau mempunyai gandaan lebih daripada 2.14 dBi adalah dilarang untuk penggunaan dengan peranti ini. Impedans antena yang diperlukan ialah 50 ohms.

Antena untuk penggunaan:

- 351-8485 Pemasangan Keras Pemasangan Antena

### Notis FCC

Peranti ini mematuhi bahagian 15 undang-undang FCC. Pengendalian tertakluk kepada dua syarat berikut:

- Peranti ini tidak akan menyebabkan interferens berbahaya.

- Peranti ini mesti menerima sebarang interferens yang diterima, termasuk interferens yang mungkin menyebabkan pengendalian yang tidak diinginkan.

Peralatan ini telah diuji dan didapati mematuhi had peranti digital kelas B, menurut bahagian 15 peraturan FCC. Had ini direka bentuk untuk memberikan perlindungan yang sewajarnya terhadap interferens berbahaya untuk pemasangan di rumah. Peralatan ini menjanakan, menggunakan dan boleh memancarkan tenaga frekuensi radio serta boleh menyebabkan interferens berbahaya terhadap komunikasi radio jika tidak dipasang dan digunakan menurut arahan. Walau bagaimanapun, tiada jaminan bahawa interferens tidak akan berlaku dalam pemasangan tertentu. Jika peralatan ini menyebabkan interferens berbahaya terhadap penerimaan radio atau televisyen yang boleh ditentukan dengan menghidupkan dan mematikan peralatan, pengguna digalakkan untuk membetulkan interferens tersebut mengikut satu atau lebih langkah berikut:

- Melaraskan atau menetapkan semula kedudukan antena penerimaan
- Meningkatkan jarak di antara peralatan dengan penerima
- Sambungkan peralatan ke dalam salur keluar pada litar yang berlainan daripada salur keluar yang disambungkan dengan penerima.
- Rujuk kepada wakil penjual atau juruteknik radio/ tv yang berpengalaman untuk mendapatkan bantuan

Perubahan atau pengubahsuaian terhadap peranti ini tanpa kebenaran nyata daripada Caterpillar boleh membatalkan kebenaran pengguna untuk menggunakan peranti ini.

## Pengisytiharan Pematuhan - Kesatuan Eropah

Jadual 5

CATERPILLAR®  
Pengisytiharan Pematuhan EU

Pengisytiharan Pematuhan ini dikeluarkan di bawah tanggungjawab penuh pengeluar.

Tandatangan di bawah mewakili pengeluar:

CATERPILLAR INC  
100 N.E. Adams Street  
Peoria, IL 61629  
309-578-9220  
AS

dengan ini mengisytiharkan bahawa produk, objek penerangan ini:

Product Link, PL121, Peranti Telematik Radio Satelit

Jenama: Caterpillar Model: PL121

Nombor Alat Ganti: 336 - 3545

Nombor Alat Ganti Antena: 351-8485

Mematuhi perundangan pengharmonian Kesatuan yang berkenaan:

Perintah 2014/53/EU

Perintah 2011/65/EU

Pematuhan ditunjukkan melalui pematuhan terhadap keperluan berkenaan bagi dokumen berikut:

Prosedur Penilaian Pematuhan:  Lampiran II,  Lampiran III,  Lampiran IV

2014/53/EU:	LVD (Bahagian 3.1a):	EN60950-1:2006 + A11:2009+ A1:2010 + A12:2011 + A2:2013 EN 62311:2008
	EMC (Bahagian 3.1b):	EN 301 489-1 V2.1.1 EN 301 489-19 V2.1.0 EN 301 489-20 V2.1.0
	RF (Bahagian 3.2)	EN 301 721 V2.1.1 EN 303 413 V1.1.1
2011/65/EU:	RoHS	EN 50581:2012

Signature: 

Name: Saul Boast  
Place: Mossville, IL

Title: Engineering Manager  
Date: 29Mar2019

## Bahagian Pengendalian

### Pengendalian

i07743699

#### Product Link

**Kod SMCS:** 7606

**Nota:** Jentera anda mungkin dilengkapi dengan sistem Cat® Product Link™.

Peranti komunikasi Cat Product Link menggunakan teknologi selular dan/atau satelit untuk menyampaikan maklumat peralatan. Maklumat ini disampaikan kepada Caterpillar, wakil penjual Cat dan pelanggan Caterpillar. Peranti komunikasi Cat Product Link menggunakan penerima satelit Sistem Posisi Global (GPS, Global Positioning System).

Kebolehan komunikasi dua hala antara peralatan dan pengguna kawalan jauh boleh didapati dengan peranti komunikasi Cat Product Link. Pengguna jauh mungkin wakil penjual atau pengguna.

#### Siaran Data

Data berkenaan jentera ini, keadaan jentera dan pengendalian jentera dihantar oleh Cat Product Link kepada Caterpillar dan/atau wakil penjual Cat. Data ini digunakan untuk menyediakan perkhidmatan yang lebih bagus kepada pelanggan dan untuk menambah baik produk dan perkhidmatan Cat. Maklumat yang dihantar termasuk: nombor siri jentera, lokasi jentera dan data pengendalian, termasuk tetapi tidak terhad kepada: kod kerosakan, data emisi, penggunaan bahan api, jam meter servis, nombor versi perisian dan perkakasan dan pemasangan yang dipasang.

Caterpillar dan/atau wakil penjual Cat boleh menggunakan maklumat ini untuk pelbagai tujuan. Rujuk pada senarai kemungkinan penggunaan yang berikut:

- Menyediakan perkhidmatan kepada pelanggan dan/atau jentera
- Memeriksa atau menyelenggarakan peralatan Cat Product Link
- Memantau kesihatan atau prestasi jentera
- Membantu menyelenggarakan jentera dan/atau meningkatkan kecekapan jentera
- Menilai atau menambah baik produk dan perkhidmatan Cat
- Mematuhi keperluan undang-undang dan perintah mahkamah yang sah

- Menjalankan penyelidikan pasaran
- Menawarkan pelanggan produk dan perkhidmatan baru

Caterpillar boleh berkongsi beberapa atau semua maklumat yang dikumpul dengan syarikat sekutu, wakil penjual dan wakil sah Caterpillar. Caterpillar tidak akan menjual atau menyewa maklumat yang dikumpulkan kepada mana-mana pihak ketiga dan akan berusaha sewajarnya untuk memastikan maklumat tersebut selamat. Caterpillar mengiktiraf dan menghormati privasi pelanggan. Untuk mendapatkan maklumat selanjutnya, sila hubungi wakil penjual Cat tempatan anda.

### Pengendalian di Tapak Letupan untuk Radio Product Link



#### AMARAN

**Peralatan ini dilengkapi dengan peranti komunikasi Product Link® Cat. Apabila peletup elektrik digunakan untuk pengendalian letupan, peranti frekuensi radio boleh menyebabkan gangguan terhadap peletup elektrik untuk pengendalian letupan yang boleh menyebabkan kecederaan serius atau kematian. Peranti komunikasi Product Link boleh dipadamkan dalam jarak yang dimandatkan di bawah semua keperluan undang-undang nasional atau tempatan yang berkenaan. Jika tiada keperluan undang-undang, Caterpillar mengesyorkan pengguna terakhir untuk melakukan penilaian risiko sendiri untuk menentukan jarak pengendalian yang selamat.**

Rujuk Suplemen Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan produk anda, Maklumat Pematuhan Undang-undang untuk mendapatkan maklumat lanjut.

Untuk mendapatkan maklumat berkenaan kaedah untuk menyahdayakan peranti komunikasi Cat Product Link, sila rujuk manual Cat Product Link khusus yang disenaraikan di bawah.

- Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan, SMBU8142, Product Link - PL121, PL321, PL522 dan PL523
- Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan, SMBU8832, Product Link PLE702, PLE602, PLE601, PL641, PL631, PL542, PL240, PL241, PL141, PL131, PL161 dan Sistem PL042

**Nota:** Jika tiada suis pemadam radio dipasang dan peralatan akan dikendalikan berdekatan zon letupan, satu suis pemadam radio Product Link boleh dipasang pada peralatan. Suis ini membolehkan peranti komunikasi Cat Product Link untuk dipadamkan oleh pengendali dari panel kawalan peralatan. Untuk mendapatkan butiran dan prosedur pemasangan, rujuk yang berikut:

- Arahan Khas, RMHS7339, Prosedur Pemasangan untuk Sistem Product Link PLE640
- Arahan Khas, RMHS8850, Prosedur Pemasangan untuk Sistem Elite Product Link PLE601, PLE641 dan PLE631
- Arahan Khas, SMHS0377, Prosedur Pemasangan untuk Sistem Product Link PL131, PL141 dan PL161
- Arahan Khas, RMHS9111, Prosedur Pemasangan untuk Sistem Pro Product Link PL641 dan PL631

## Indeks

Bahagian Keselamatan .....	5
Bahagian Pengendalian .....	13
Jadual Kandungan .....	3
Komponen Frekuensi Radio.....	7
Maklumat Bahaya Umum.....	6
Pendahuluan .....	6
Pengenalan.....	6
Maklumat Pematuhan Peraturan .....	7
Maklumat Penting Keselamatan .....	2
Pendahuluan .....	4
Keselamatan.....	4
Maklumat Literatur.....	4
Pengendalian.....	4
Penyelenggaraan .....	4
Pengendalian .....	13
Product Link .....	13
Pengendalian di Tapak Letupan untuk Radio	
Product Link.....	13
Siaran Data.....	13
Product Link (PL121 - Jika Dilengkapi).....	10
Notis Pensijilan .....	10
Pengisytiharan Pematuhan - Kesatuan	
Eropah .....	12
Spesifikasi.....	10
Product Link (PL522 dan PL523 - Jika	
Dilengkapi).....	7
Notis Pensijilan .....	7
Pengisytiharan Pematuhan - Kesatuan	
Eropah .....	9
Spesifikasi.....	7
Tanda dan Label Keselamatan.....	5
Filem Lain .....	5
Mesej Keselamatan .....	5



# Maklumat Produk dan Wakil Penjual

Nota: Untuk mendapatkan lokasi plat pengenalan produk, lihat bahagian " Maklumat Pengenalan Produk" dalam Manual Pengendalian dan Penyelenggaraan.

Tarikh Penghantaran: \_\_\_\_\_

## Maklumat Produk

Model: \_\_\_\_\_

Nombor Pengenalan Produk : \_\_\_\_\_

Nombor Siri Enjin : \_\_\_\_\_

Nombor Siri Transmisi : \_\_\_\_\_

Nombor Siri Penjana : \_\_\_\_\_

Nombor Siri Pemasangan: \_\_\_\_\_

Maklumat Pemasangan : \_\_\_\_\_

Nombor Peralatan Pelanggan : \_\_\_\_\_

Nombor Peralatan Wakil Penjual: \_\_\_\_\_

## Maklumat Wakil Penjual

Nombor: \_\_\_\_\_ Cawangan: \_\_\_\_\_

Alamat: \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

Hubungan Wakil Penjual

Nombor Telefon

Jam

Jualan: \_\_\_\_\_

Bahagian: \_\_\_\_\_

Servis: \_\_\_\_\_



S9BM8142  
©2019 Caterpillar  
Semua Hak Terpelihara

CAT, CATERPILLAR, CAT, CATERPILLAR, logo masing-masing, "Caterpillar Yellow", dan pakaian perdagangan POWER EDGE serta identiti korporat dan produk yang digunakan di sini ialah tanda dagangan Caterpillar dan tidak sepatutnya digunakan tanpa kebenaran.